



23 FEB, 2024

Arak dalam kontena

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2



ROSELAN (tiga dari kiri) menunjukkan sebahagian tin arak yang dirampas dalam tiga operasi pada sidang akhbar di Seberang Perai semalam.

Taktik isytihar sebagai aluminium, aloi tembaga Arak dalam kontena

Oleh SITI NUR MAS ERAH AMRAN

SEBERANG PERAI – Taktik penyeludup yang mengikrarkan minuman keras bernilai RM7.13 juta sebagai kepingan aluminium dan aloi tembaga terbongkar apabila diserbu pihak berkuasa dalam tiga operasi berasingan baru-baru ini.

Pengarah Kastam Pulau Pinang, Roselan Ramli berkata, serbuan di Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang di Selangor itu melibatkan 180,926 liter yang dibawa menggunakan kontena.

Katanya, rampasan pertama dilakukan pada 31 Januari lalu dan dapat merampas 106,560 tin bir bernilai RM263,340 dan cukai lebih RM1.7 juta.

“Siasatan awal mendapati kontena itu dibawa dari Asia Timur oleh sebuah syarikat perkapalan di Kuala Lumpur dan diisytihar-

“

Siasatan awal mendapati kontena tersebut dikendalikan oleh sebuah syarikat perkapalan yang mempunyai cawangan di Pelabuhan Klang.”

ROSELAN

kan sebagai kepingan aluminium. “Kita menahan seorang ejen perkapalan berusia dalam lingkungan 30-an bagi membantu siasatan,” katanya pada sidang akhbar di Stor Penguatkuasaan

Bagan Ajam di sini semalam.

Menurut Roselan, operasi kedua berjaya merampas 202,356 tin bir bernilai RM561,541 dan cukai lebih RM3.45 juta yang diisytiharkan sebagai aloi tembaga.

Tambahnya, operasi terbaharu pada 7 Februari lalu pula dapat menahan sebuah kontena mengandungi 52,320 tin bir bernilai RM144,000 dan cukai lebih RM1 juta.

“Siasatan awal mendapati kontena tersebut dikendalikan oleh sebuah syarikat perkapalan yang mempunyai cawangan di Pelabuhan Klang,” ujarnya.

Justeru beliau memberitahu, siasatan bagi ketiga-tiga kes itu masih dijalankan mengikut Seksyen 135(1)(e) dan Seksyen 135(1)(g) Akta Kastam 1967.



23 FEB, 2024

Arak dalam kontena

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

ROSELAN (tiga dari kiri) menunjukkan sebahagian tin arak yang dirampas dalam tiga operasi pada sidang akhbar di Seberang Perai semalam.

Taktik isytihar sebagai aluminium, aloi tembaga

SEBERANG PERAI - Taktik penyeludup yang mengikrarkan minuman keras bernilai RM7.13 juta sebagai kepingan aluminium dan aloi tembaga terbongkar apabila diserbu pihak berkuasa dalam tiga operasi berasingan rbaru-baru ini.